

01 SEP 2002

Sabah-Pendatang

KAPAL PERANG FILIPINA DENGAN 234 PENDATANG BELUM BERLEPAS PULANG

SANDAKAN, 1 Sept (Bernama) -- Dua kapal tentera laut Filipina, DRP Bucolod dan San Juan yang dijadualkan berlepas pulang pagi ini dengan membawa 234 warga Filipina yang dihantar balik pihak berkuasa Malaysia, masih belum berlepas sehingga lewat petang ini.

Kedua-dua kapal berkenaan masih berada di Pelabuhan Karamunting di sini selepas memuatkan kesemua pendatang tanpa izin (PTI) berkenaan serta sekumpulan besar lagi rakyat negara itu yang pulang secara sukarela.

Keadaan itu menimbulkan tanda tanya kerana kedua-dua kapal berkenaan masih belum menunjukkan tanda-tanda untuk meninggalkan perairan negara walaupun Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) dan Jabatan Imigresen telah selesai melaksanakan tugas memuatkan kumpulan PTI berkenaan.

Pegawai Bahagian Trafik dan Operasi Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS), Awang Besar Ibrahim berkata beliau difahamkan mereka sedang menunggu keputusan rundingan antara kerajaan Malaysia dan Filipina berhubung penghantaran balik PTI ke negara berkenaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan untuk menangguhkan proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina atas permintaan Presiden Gloria Macapagal-Arroyo bagi membolehkan Manila menghantar pegawainya untuk melihat keadaan di pusat tahanan negara ini.

Awang Besar berkata semasa menghubungi pihak berkuasa kedua-dua kapal itu, beliau dimaklumkan bahawa mereka kini menunggu keputusan rundingan antara kerajaan Malaysia dan Filipina membabitkan penghantaran pulang pendatang tanpa izin.

Menurut seorang pegawai kanan PPKP, Ismail Zakaria, proses memuatkan PTI yang terdiri daripada 89 lelaki dan 62 perempuan dewasa serta 43 kanak-kanak lelaki dan 40 kanak-kanak perempuan selesai pada kira-kira pukul 5.40 petang semalam.

Kesemua mereka dibawa dari Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Menggatal, Kota Kinabalu.

Difahamkan, usaha memuatkan penumpang yang pulang secara sukarela pula berakhir selepas tengah malam tadi bagi membolehkan DRP Bucolod yang mempunyai kapasiti sehingga 1,500 penumpang dan kapal San Juan yang mampu membawa sehingga 300 orang itu, berlepas awal.

Timbalan Pengerusi LPPS, Datuk Dr Zaki Gusmiah ketika dihubungi berkata kedua-dua kapal berkenaan perlu membayar kos harian untuk berlabuh di pelabuhan berkenaan.

-- BERNAMA

CFM JS LAT